

PAKAR DENMARK, ENGLAND LAWAT PPTKSB

Oleh : MUHAMMAD ZULHISHAM (Pengurus Projek PPTRSB)



Prof. Dr. Kamaruzaman Jusoff (dua dari kiri) memberi taklimat kepada Prof. Simon Blackmore dari Denmark dan Prof. Richard J Godwin dari England.

LEBUH SILIKON (UPM): Pusat Pertanian Tepat dan Remote Sensing Biosumber (PPTRSB) menerima kunjungan hormat dua pakar ‘Precision Farming’ dan ‘Agricultural Engineering’ dari Denmark dan England.

Prof. Simon Blackmore adalah pakar dari Denmark dan Prof. Richard J Godwin dari England. Tetamu ini telah diberi taklimat ringkas oleh Ketua Pusat PPTRSB Prof. Kapt. Dr. Kamaruzaman Jusoff berkenaan sejarah, pembangunan dan pencapaian serta projek yang telah dijalankan oleh PPTRSB sejak ditubuhkan pada 1999.

Di jangkakan PPTRSB merupakan pelopor utama

bagi UPM dalam usaha memajukan penyelidikan “Precision Agriculture” dua hala khususnya berkaitan dengan penggunaan teknologi satelit dalam bidang pertanian moden.

Diharap dengan kunjungan dua pakar ini ke PPTRSB, UPM akan lebih terkenal lagi di per-sada antarabangsa.